

TARIKH	KHAMIS, 6 JANUARI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	TECHNOFIT RANCANG BINA LOJI TENAGA BIOJISIM
M/S	35
BIDANG	ENERGY
KATA KUNCI	ENERGY



Mohd Izuddin (kanan) dan Pengarah Technofit, Zulkifli Kamarudin selepas perasmian ruang pameran Technofit Synergy di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Amirudin Sahib/BH)

## Technofit rancang bina loji tenaga biojisim

Syarikat kejuruteraan tempatan, Technofit Sdn Bhd bercadang untuk membina loji tenaga biojisim dalam usahanya menceburi segmen tenaga boleh diperbaharui di negara ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Technofit, Datuk Mohd Izuddin Mohd Ilias, berkata cadangan itu sebahagian usaha syarikat mempelbagaikan perniagaan dengan memasuki segmen tenaga boleh diperbaharui negara dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Technofit, katanya masih pada peringkat awal rundingan dengan beberapa rakan kongsi strategik mengenai pembinaan loji tersebut.

"Pelan pengembangan kumpulan untuk membina loji jana kuasa tenaga boleh diperbaharui mendapat maklum balas baik pelabur dan rakan kerjasama potensi.

"Kumpulan yakin satu kerjasama dapat dicapai pada suku pertama tahun ini sebelum memulakan proses lebih lengkap merangkumi pelaburan dan kapasiti tenaga.

"Kami menjangkakan loji tenaga biojisim ini dapat direalisasikan dua hingga tiga tahun akan datang," katanya selepas merasmikan Ruang Pameran Technofit Synergy Sdn Bhd di Kuala Lum-

pur, semalam.

Mohd Izuddin berkata, Technofit yakin dapat melaksanakan loji tenaga itu berdasarkan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki kumpulan dalam kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pengoperasian (EPCC) serta penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) sektor tenaga di Malaysia.

"Perniagaan teras kumpulan ketika ini adalah dalam EPCC dan MRO sektor tenaga serta minyak dan gas. Kami mempunyai tenaga kerja berkemahiran tinggi serta pengetahuan luas, memungkinkan kejayaan dalam loji tenaga biojisim ini," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Izuddin berkata, pelaksanaan loji tenaga itu juga akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan kumpulan pada masa hadapan.

Beliau berkata, pada tahun ini kumpulan menasaskan memperoleh pendapatan sebanyak RM150 juta berdasarkan kontrak dalam tangannya bagi kerja EPCC dan MRO.

Technofit juga, katanya akan terus menghantar tender kepada beberapa projek baharu, terutama dalam sektor tenaga bagi kukuhkan kedudukan kewangannya.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM